

Konglomerat digesa angkat seni, sastera

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa lebih ramai konglomerat tampil mengguna keuntungan diraih mereka dengan menaja penganjuran pelbagai program dan aktiviti yang berupaya mengangkat seni dan sastera negara.

Perdana Menteri berkata, dokongan itu seharusnya menyamai usaha sokongan mereka terhadap bidang lain seperti pendidikan.

“Seperti mana saya gesa ada usaha dalam pelbagai bidang pendidikan dan seni teater, ada usaha untuk (konglomerat) mendukungnya.

“Kalau kita ada 30 konglomerat boleh beri sokongan dalam pelbagai bidang, itu akan memperkayakan (memanfaatkan) seni, sastera, budaya pendidikan dan masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Pameran Lukisan Orientalis: Cerminan atau



Anwar melihat hasil karya selepas merasmikan Pameran Lukisan Orientalis: Cerminan atau Bayangan? di Muzium Kesenian Islam Malaysia, di Kuala Lumpur, semalam.

Bayangan? di Muzium Kesenian Islam Malaysia, di sini semalam.

Yang turut hadir Pengerusi Yayasan Al-Bukhary, Tan Sri

Syed Mokhtar Syed Al-Bukhary.

Pameran itu adalah sebuah kisah hubungan antara Eropah, Amerika dengan dunia Timur yang diterokai Muzium Kesenian

Islam Malaysia sejak 15 tahun lalu, dengan koleksi lukisan dari abad ke-19 dan awal abad ke-20 ini belum pernah diperlihatkan di luar Eropah, mahupun Amerika.

Muzium Kesenian Islam Malaysia adalah antara pemilik koleksi lukisan orientalis terbesar di dunia.

Mengulas lanjut Anwar turut menyifatkan pameran ini wajar menjadi medium mengangkat karya seni dan sastera, di samping dapat memberi kefahaman kepada rakyat secara mendalam mengenai makna seni lukisan itu sendiri.

“Supaya (pameran ini) dapat dihebahkan. Ramai tidak tahu bahawa tentang pameran ini agak unik, sebab belum dapat dihebahkan, dipersembahkan di mana-mana negara dunia, melainkan di Muzium London, itu pun skala kecil.

“Skala besarnya, ini terbesar yang pernah diadakan di dunia. Jadi, ini wajar kepada masyarakat menggunakan peluang ini. Kalau tempat lain itu kosnya terlalu tinggi,” katanya.